



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (14)
Tarikh : 2 April 2020

SIARAN MEDIA

OPERASI SANITASI AWAM DIPERLUAS KE PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

PETALING JAYA, 2 April 2020 – YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini menyaksikan kerja-kerja sanitasi awam diteruskan di Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1, Petaling Jaya, Selangor.

Menurut beliau, operasi sanitasi awam di PPR Lembah Subang 1 melibatkan 58 tenaga kerja yang terdiri daripada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Alam Flora Sdn Bhd dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Terdapat dua (2) fasa pelaksanaan sanitasi awam yang dijalankan di PPR iaitu:

1. Fasa pertama - operasi ini melibatkan PPR di bawah pengurusan KPKT yang terdiri daripada 6 projek (5,103 unit) dengan permulaan di PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya, Selangor pada 1 April 2020 dan akan diikuti oleh PPR lain di bawah pengurusan KPKT

1	PPR Lembah Subang 1	1 April 2020, Rabu
2	PPR Lembah Subang 2	3 April 2020, Jumaat
3	PPR Sinar Intan, Kedah	4 April 2020, Sabtu
4	PPR Kota Bharu, Kelantan	4 April 2020, Sabtu
5	PPR Amanjaya, Kedah	5 April 2020, Ahad
6	PPR Tok Suboh, Pulau Pinang	6 April 2020, Isnin

2. Fasa kedua – melibatkan semua projek-projek PPR di bawah seliaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang merangkumi 32 projek (32,268 unit) dijangka bermula pada 6 April 2020.

Kerja-kerja sanitasi di PPR ini akan melibatkan unit kediaman, surau, dewan serbaguna, taman permainan dan kawasan bersama (*common area*). Langkah ini diambil bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 daripada menular ke kawasan PPR.

Bagi memastikan kelancaran operasi, hebahan awal telah dilakukan untuk makluman penduduk sebelum operasi berlangsung. Antara informasi awal yang diberikan adalah berkenaan bahan semburan yang digunakan tidak memberi kesan sampingan kepada kesihatan awam dan kandungannya mematuhi saranan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Walau bagaimapun, langkah-langkah keselamatan tetap perlu diambil oleh penduduk sebelum, semasa dan selepas operasi seperti berikut:

Sebelum Operasi Sanitasi:

- i) Menutup dengan plastik semua barangan elektrik yang sensitif;
- ii) Menyimpan barang makanan dan minuman di dalam tempat tertutup; dan
- iii) Menutup semua tingkap untuk mendapatkan kesan sanitasi maksimum.

Semasa Operasi Sanitasi:

- i) Memastikan penjarakan sosial dipatuhi; dan
- ii) Menurut arahan pihak berkuasa/ berwajib.

Selepas Operasi Sanitasi:

- i) Penduduk hanya dibenarkan masuk ke unit masing-masing setelah mendapat pelepasan pihak berwajib; dan
- ii) Buka pintu dan tingkap sejurus masuk ke rumah masing-masing.

Pihak Kementerian berharap operasi yang dijalankan ini dapat menyumbang kepada usaha untuk memutuskan rantai jangkitan COVID-19. Semua pihak khususnya orang awam dinasihati agar dapat mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dan dalam masa yang sama dinasihatkan untuk tidak mudah percaya kepada berita palsu yang diviralkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

LAMPIRAN

SENARAI PPR YANG TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN OPERASI SANITASI AWAM

KAWASAN	BIL	NAMA PROJEK	JUM. UNIT
ZON MERAH : 29 PROJEK (31,593 UNIT)			
LEMBAH PANTAI (9 PROJEK)	1	PPR KG. LEMBAH PANTAI KERINCHI	1896
	2	NAMA PROJEK	660
	3	PPR JLN LAPANGAN TERBANG LAMA FASA 2 (PPR SERI ALAM 2)	920
	4	PPR KG. MUHIBBAH JALAN PUCHONG	2,844
	5	PPR KL LINEAR CITY I (PPR SERI ANGGERIK)	316
	6	PPR SALAK SELATAN	632
	7	PPR KG. LIMAU PANTAI DALAM	632
	8	PPR KL LINEAR II FASA 1 (PPR PANTAI RIA)	1264
	9	PPR KL LINEAR II FASA 2 (PPR SERI CEMPAKA)	632
TITIWANGSA (2 PROJEK)	10	PPR JLN COCHRANE (PPR PERKASA & PPR LAKSAMANA)	1620
	11	PPR HILIRAN AMPANG	948
PETALING (2 PROJEK)	12	PPR TAMAN PUTRA DAMAI (LEMBAH SUBANG 1)	3,004
	13	PPR LEMBAH SUBANG 2	1,580
SEREMBAN (1 PROJEK)	14	PPR SENAWANG	420
JOHOR BAHRU (6 PROJEK)	15	PPR DESA MUTIARA (TEBRAU)	2,000
	16	PPR SRI STULANG	1,500
	17	PPR PASIR PELANGI (SRI ISKANDAR)	960
	18	PPR TAMPOI (KEMPAS PERMAI)	2,252
	19	PPR MELANA INDAH FASA 1 (SG. MELANA)	1,170
	20	PPR UDA UTAMA, SKUDAI	500
TAWAU (5 PROJEK)	21	PPR BALUNG I	972
	22	PPR BALUNG II	485
	23	PPR TAMAN SEMARAK (PPR SRI SEMARAK)	500
	24	PPR BT 8, JLN APAS (PPR TAMAN APAS)	900
	25	PPR JLN MEROTAI (PPR TAMAN SRI BUKIT TAWAU)	470
KUCHING (3 PROJEK)	26	PPR SRI WANGI	200
	27	PPR BATU 5	816
	28	PPR BATU GONG	500
KOTA BAHRU (1 PROJEK)	29	PPR KOTA BHARU	1,000
JUMLAH			31,593

KAWASAN	BIL	NAMA PROJEK	JUM. UNIT
ZON JINGGA : 9 PROJEK (5,778 UNIT)			
KEPONG (2 PROJEK)	30	PPR PEKAN KEPONG	948
	31	PPR SRI AMAN JINJANG, KEPONG	1600
BATU PAHAT (1 PROJEK)	32	PPR YONG PENG (BATU PAHAT)	54
KUALA MUDA (3 PROJEK)	33	PPR PAYA NAHU 2	1,472
	34	PPR SINAR INTAN	80
	35	PPR AMANJAYA	208
SEBERANG PERAI TENGAH (1 PROJEK)	36	PPR KG. TOK SUBOH, SEBERANG PERAI TENGAH	231
LAHAD DATU (1 PROJEK)	37	PPR BT 4 ½ JLN TENGAH (PPR PANGSAPURI MUTIARA KASIH)	700
KOTA KINABALU (1 PROJEK)	38	PPR KG WARISAN, INANAM	485
JUMLAH			5,778